

# Abdullah ketua pekerja 'kelas satu' bergotong-royong

UM-20/2/2006

KUCHING 19 Feb. - Sekolah Menengah Kerajaan (Agama) Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW), Matang di sini, berubah wajah setelah satu gotong-royong dilakukan oleh sekumpulan pekerja 'kelas satu' yang diketuai Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengepalai 'pekerja-pekerjanya', yang terdiri daripada 87 Anggota Parlimen (MP) dan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN), telah berkumpul sejak pukul 9 pagi bagi melakukan kerja-kerja seperti mengecat semula masjid, menanam pokok bunga dan membersihkan kawasan sekitar sekolah.

Abdullah bersama-sama kedua-dua Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr. George Chan dan Tan Sri Alfred Jabu, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Mohd Asfia Awang Nassar dan Pengerusi Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) Datuk Shahrir Abdul Samad mengecat bangunan masjid sekolah tersebut.

Setelah menyiapkan kerja mengecat, beliau kemudiannya melawat kawasan sekolah sambil memeriksa kerja-kerja mengindahkan sekolah yang dilakukan oleh MP dan ADUN yang lain.

## Menegur

Ketika melakukan pemeriksaan itu, Abdullah turut 'menegur' mereka yang tidak melakukan kerja dengan cara yang betul.

"Ini bukan cara betul mengecat. Kenapa ada kesan-kesan di sini? Buangkan kesan-kesan ini sebelum ia kering," katanya kepada seorang 'pekerja' yang sedang mengecat tiang.

Beliau turut memberi arahan kepada pekerja-pekerja yang lambat mengecat bangunan asrama supaya segera menyudahkan kerja mereka.

"Kalau tak habis, tak payah balik," katanya sambil tersenyum kepada 'pekerja' tersebut.

Abdullah, semasa menutup program permukiman itu, turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM10,000 daripada BNBBC kepada Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Shahrir Abdul Samad (kiri) dan Dr. George Chan (terlindung) mengecat bangunan semasa menyertai Program Khidmat Masyarakat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Matang, Kuching semalam.

SHOAW, Madsah Mahat.

Gotong-royong itu merupakan aktiviti khidmat komuniti yang diadakan semasa Program Permukiman BNBBC yang diadakan selama empat hari yang berakhir hari ini. Program itu merupakan pertama kali diadakan di Sarawak.

Anggota Parlimen Petra Jaya, Fadillah Yusof, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khidmat Komuniti, berkata permukiman

berkenaan merupakan kali kedua diadakan selepas yang pertama di Sabah tahun lepas.

Selain bertujuan merapatkan hubungan antara wakil rakyat peringkat Parlimen dengan DUN, ia juga bertujuan mendedahkan kepada anggota Parlimen BN kepada cabaran pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di Bumi Kenyalang.

Katanya permukiman yang merupakan acara tahunan BNBBC kali ini amat signifikan kerana ia sekaligus menyuntik semangat dan memberi sokongan moral kepada ADUN BN Sarawak bagi menghadapi pilihan raya negeri kesembilan pada tahun ini.

Tempoh mandat kerajaan negeri sedia ada tamat pada 18 November tahun ini.

- Bernama